



Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli Dewan Negeri,
Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2023**

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2019: GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
PERUNTUKAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
DAN AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR**

**PINDAAN PERENGGAN 6.1 (iv) :
PROGRAM DAN AKTIVITI MESRA RAKYAT**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk meminda dan memaklumkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Speaker, Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor, dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal mengenai Pindaan Perenggan 6.1 (iv) : Program dan Aktiviti Mesra Rakyat.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2023 bertarikh 11 Januari 2023 dan disahkan oleh MMKN Ke 2/2023 telah bersetuju dengan kenaikan peruntukan program dan aktiviti mesra rakyat berkuat kuasa 1 Februari 2023.

3. PENGGUNAAN PERUNTUKAN

3.1 Selaras dengan keadaan ekonomi semasa serta keperluan penyediaan program dan aktiviti, pindaan penggunaan peruntukan bagi **perenggan 6.1 (iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat** diperluaskan dari **RM20,000.00 bagi setiap program kepada RM30,000.00 bagi setiap program.**


4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada **1 Feb 2023** dan hendaklah dibaca bersama-sama PPNS Bil.1/2019 serta Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor yang berkaitan tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: \ Februari 2023

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)